

Galeri Razak Sensei simbol keamanan, perkukuh hubungan pendidikan Malaysia-Jepun

Tanjong Malim, 7 Ogos - Penubuhan Galeri Razak Sensei di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bukan sahaja mengabadikan legasi tokoh pendidik negara, Datuk Abdul Razak Abdul Hamid atau lebih dikenali sebagai Razak Sensei, malah menjadi simbol keamanan serta memperkukuh hubungan pendidikan dan kebudayaan antara Malaysia dengan Jepun. Duta Besar Jepun ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Shikata Noriyuki, berkata galeri berkenaan berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan kedua-dua negara melalui pendidikan, dialog antara budaya dan nilai kemanusiaan yang diperjuangkan oleh Razak Sensei.

Beliau berkata, tarikh perasmian galeri itu turut membawa makna yang mendalam kerana berlangsung pada 6 Ogos, bertepatan dengan ulang tahun ke-81 pengeboman atom di Hiroshima yang mengorbankan ribuan nyawa. Peristiwa tersebut turut menjadi detik bersejarah yang mengubah kehidupan Razak Sensei sebagai antara mangsa yang terselamat.

Ketika Hiroshima dibom, beliau sedang melanjutkan pengajian di Universiti Hiroshima. Beliau terselamat daripada tragedi tersebut, seterusnya memaksanya pulang ke tanah air dan memasuki Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1946. "Keajaiban beliau terselamat daripada tragedi Hiroshima serta keberanian beliau mengubah

pengalaman pahit itu menjadi komitmen sepanjang hayat terhadap keamanan dan pendidikan merupakan teladan yang wajar dicontohi oleh kita semua. "Kisah kehidupan Razak Sensei mengingatkan kita bahawa pendidikan jauh melangkaui penyampaian ilmu semata-mata. Pendidikan ialah suatu kuasa yang membentuk sahsiah, menyemai rasa saling menghormati serta membina masyarakat yang aman," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Galeri Razak Sensei di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, hari ini.

Shikata berkata, sekembalinya ke Tanah Melayu, Razak Sensei mendedikasikan seluruh kehidupannya kepada dunia pendidikan serta muncul sebagai antara perintis pendidikan bahasa Jepun dan pengajian Jepun di Malaysia. Menurut beliau, sumbangan tokoh itu bukan sahaja melahirkan generasi pendidik dan memperkukuh hubungan akademik antara kedua-dua negara, malah turut menyumbang kepada pembentukan Dasar Pandang ke Timur yang sehingga kini kekal sebagai antara tonggak utama hubungan Malaysia-Jepun. "Saya berharap para pelajar, pendidik, penyelidik dan pengunjung akan memperoleh inspirasi daripada galeri ini untuk terus menghargai pendidikan, dialog antara budaya dan nilai-nilai kemanusiaan, di samping memperluas lagi kerjasama antara Jepun dengan Malaysia pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, berkata penubuhan Galeri Razak Sensei merupakan hasil usaha berterusan universiti itu dalam mengangkat dan mendokumentasikan legasi tokoh berkenaan secara sistematik menerusi wacana intelektual, projek penyelidikan serta pemeliharaan bahan sejarah.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI pertimbang buka hospital swasta pertama di Tanjung Malim

Tanjong Malim, 5 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merancang membuka sebuah hospital swasta pertama di sini bagi menampung keperluan kesihatan pelajar dan staf antarabangsa yang semakin meningkat. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, berkata usaha itu merupakan perancangan strategik UPSI dalam menyediakan kemudahan sokongan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa dan keperluan komuniti. "UPSI kini sedang menilai potensi kerjasama dengan pihak hospital swasta, termasuk meneliti model perniagaan yang sesuai bagi merealisasikan hasrat berkenaan.

"Kita sedang berusaha mendapatkan mana-mana hospital swasta, khususnya hospital pakar swasta, untuk beroperasi di Tanjung Malim ataupun di tanah milik UPSI.

UPSI Terima Kunjungan Hormat DPIM, Perkukuh Kerjasama Strategik dalam Pendidikan, AI dan Pembangunan Ekonomi Islam

Tanjong Malim, 2 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh jaringan strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan menerusi kunjungan hormat delegasi Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) yang diketuai oleh presidennya, Datuk Haji Mohammad Sahar.

Kunjungan tersebut menjadi wadah penting dalam memperluas hubungan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dengan sektor industri ke arah melahirkan ekosistem pendidikan yang lebih dinamik, inovatif dan berimpak tinggi. Pertemuan yang berlangsung dalam suasana penuh mesra dan konstruktif itu membuka ruang perbincangan mengenai pelbagai potensi kerjasama yang mampu memberikan nilai tambah kepada kedua-dua organisasi. Fokus utama perbincangan tertumpu

Kita sedang melihat bagaimana konsep model perniagaannya," katanya di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, di sini hari ini. Katanya, perancangan tersebut selari dengan keperluan masa depan apabila UPSI dan Tanjung Malim terus berkembang sebagai pusat pendidikan serta komuniti yang semakin memerlukan kemudahan sokongan berkualiti.

"UPSI turut mempunyai aspirasi jangka panjang untuk membangunkan kemudahan persaraan di Tanjung Malim yang membolehkan warga universiti yang telah bersara terus kekal berhubung dengan kampus.

"Inisiatif itu termasuk cadangan pembangunan resort persaraan sebagai salah satu usaha mewujudkan komuniti pesara UPSI di situ," katanya.

kepada usaha memperkasakan pengantarabangsaan pendidikan, pembangunan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI), penyelidikan dan inovasi, serta pelaksanaan inisiatif yang menyokong pembangunan ekonomi dan keusahawanan Islam sejajar dengan aspirasi pembangunan negara.

Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Md. Amin Md. Taff, menyambut baik kesediaan DPIM untuk menjalin hubungan strategik dengan universiti. Beliau berkata, kerjasama yang dicadangkan bukan sahaja berpotensi memperkukuh peranan UPSI sebagai institusi pendidikan tinggi yang progresif, malah mampu membuka lebih banyak peluang kepada warga universiti untuk memperluas jaringan kerjasama pada peringkat nasional dan antarabangsa.



UPSI perkasa pemeliharaan bahasa etnik menerusi tiga kursus komunikasi dan budaya

Tanjong Malim, 4 Ogos - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh usaha memelihara warisan budaya negara menerusi penganjuran tiga Kursus Bahasa Etnik bagi tahun 2026 yang memberikan tumpuan kepada pembangunan kemahiran komunikasi asas serta penghayatan budaya masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Menurut Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff, inisiatif anjuran Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia (BSM) itu menawarkan Kursus Bahasa Kadazandusun, Kursus Bahasa Semai dan Kursus Bahasa Iban sebagai platform untuk memperkasa pembangunan modal insan, di samping memupuk semangat perpaduan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya negara.

Md. Amin berkata, usaha mempelajari bahasa etnik bukan sekadar menambah kemahiran komunikasi, malah memainkan peranan penting

dalam memelihara identiti serta warisan budaya Malaysia yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat majmuk.

"Bahasa ialah khazanah bangsa yang mencerminkan sejarah, nilai dan jati diri sesuatu komuniti. Sebagai institusi pendidikan, UPSI bertanggungjawab memastikan warisan ini terus dipelihara melalui pendidikan, penyelidikan dan latihan yang mampu melahirkan generasi yang lebih inklusif serta menghargai kepelbagaian budaya negara.

"Kursus bahasa etnik yang diperkenalkan ini bukan sahaja membolehkan warga universiti menguasai kemahiran komunikasi asas, malah membuka ruang untuk memahami adat resam, budaya dan cara hidup masyarakat pelbagai etnik, sekali gus memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini. Ketiga-tiga kursus berkenaan direka

khusus menggunakan pendekatan pembelajaran yang interaktif, praktikal dan menyeronokkan bagi membantu peserta menguasai kemahiran komunikasi asas melalui latihan bertutur, simulasi perbualan, permainan bahasa serta pembelajaran berasaskan situasi sebenar.

Peserta turut didedahkan kepada asas tatabahasa, kosa kata dan struktur ayat mudah yang membolehkan mereka berkomunikasi dalam pelbagai situasi harian seperti memperkenalkan diri, memberikan salam, bertanyakan khabar dan berinteraksi dengan komuniti setempat.

Selain aspek bahasa, kursus berkenaan turut memberikan penekanan kepada penghayatan budaya menerusi pendedahan terhadap adat resam, pakaian tradisional, makanan warisan, kesenian, muzik, tarian, perayaan serta nilai kehidupan masyarakat Kadazandusun, Semai dan Iban.

